

# AHMET MITHAT

## WARTAWAN, PENULIS DAN PENTERJEMAH TURKI MODERN

**P**engarang, wartawan, dan penerbit ini lahir pada tahun 1844 di Istanbul. Beliau berasal daripada keluarga peniaga kelas sederhana, dan bergiat dalam dunia sastrera pada zaman akhir *Tanzimat*. Mithat bertanggungjawab menyera keluarga setelah abangnya meninggal dunia. Pada tahun 1871, beliau mengambil keputusan untuk mencetak buku-bukunya sendiri dengan kelengkapan percetakan kuno di rumahnya.

Kerjaya penulisannya bermula pada tahun 1868, apabila rakan-rakan dalam lingkungan sasteranya membantunya berjawatan di akhbar *Tuna*. Beliau menemui pelukis cat terkenal Turki, iaitu Osman Hamdi Bey, di Baghdad. Artis inilah yang memperkenalkan sastrera Barat kepada Mithat. Pada masa yang sama, beliau juga menemui beberapa orang tokoh agama kenamaan zamannya, dan diperkenalkan serta digolongkan ke dunia falsafah Timur. Mithat fasih berbahasa Perancis, Parsi dan Arab.

Menurut sejarawan ternama Britain dalam bidang sastrera Turki, E.J.W. Gibb (*A History of Ottoman Poetry* dan terjemahannya ke bahasa Turki), kemunculan Mithat berbetulan

dengan "fajar satu era baharu" (1859 - 1879). Beliau menegaskan bahawa Pengajian Perancis di Turki menjadi pengantar dan pintu gerbang kemasukan dua genre yang baharu sama sekali bagi mereka: novel dan drama. Sehingga ke tempoh itu, tiada novel yang sebenar-benarnya, yang ada hanyalah beberapa "roman" ala "1001 Malam" Arab. Antara yang terkenal termasuklah *Qir Vezir* atau *40 Vezir* (anom), *Ibret-Numa* atau Pengawas oleh Lami'i, dan *Mukhayyalat* atau Karya Illusi dan Khayalan oleh 'Ali Aziz. Yusuf Kamil Pasa pada tahun 1862 menerbitkan terjemahan (stail lama) *Telemaque* oleh Fenelon (Perancis). Inilah karya cereka Barat yang pertama diterjemahkan ke bahasa Turki (ketika itu masih Osmani lagi [menggunakan aksara Jawi]). Beberapa tahun kemudian, walaupun semakin bertambah rakyat Turki yang menguasai bahasa Perancis, novel Perancis masih diterjemahkan secara terburu-buru. Akhirnya tidak hairanlah, betapa jelas kesan cereka moden Perancis terserap dalam sastrera Turki.

Orang Turki tiada istilah untuk jenis karangan begini, lantas mereka mengangkat istilah "roman" Perancis itu, menjadi "novel", sama ada karya terjemahan atau karya asli. Tidak lama selepas itu, sastrawan Ahmet Mithat membentuk idea dan memikirkan perihal mencipta cerita yang sama, perkara yang wajar menggambarkan kehidupan dan adat setempat. Maka,



pada tahun 1870-1871 beliau menerbitkan siri novelet, dengan tajuk bersiri *Letaif-i Rivayat* (Cerita-cerita Menghiburkan atau Menggembirakan), yang kebanyakannya menyentuh jiwa rakyat Turki sendiri. Tindakan sejarawi Mithat ini menandakan pengasas satu cabang sastrera yang sedang segar memekar tersebar luas, dikenali sebagai "roman *milli*" atau "novel kebangsaan". Sebagai putera peniaga kecil, Mithat menjalani satu kehidupan yang penuh dengan luahan perasaan yang meluap-luap dan ganas, dan kerana sumbangannya kepada pelbagai akhbar, beliau diuangs ke Pulau-pulau Rhodes. Pada tahun 1876, beliau kembali ke Istanbul dan menerbitkan akhbar *Tekvimi Vakayi*. Pada tahun 1878, beliau menerbitkan *Tercüman-i Hakikat*, yang akhirnya menjadi akhbar yang paling lama bertahan dalam sejarah percetakan Turki. Selepas peristiwa revolusi Pemuda

Turki, beliau memberi kuliah di Universiti Istanbul tentang sejarah sekular dan gereja.

Mithat merupakan penulis berdaya cipta yang luar biasa, menerbitkan lebih daripada 200 karya tentang falsafah, sejarah dan agama, serta pelbagai karya dan artikel asli. Mithat juga menggunakan percetakannya sendiri untuk menerbitkan pelbagai jurnal sastrera, dan dalam beberapa tahun sahaja telah menjadi pencetak yang berketerampilan.

Cerita pendeknya yang popular sering mengingatkan pembaca kepada seni "pencerita rakyat" (*folk narrator*) atau dikenal dalam budaya Turki sebagai *meddah*, dan cerita begini menggunakan bahasa massa yang luas. *Letaif-i Rivayat* yang terhasil sebanyak 28 jilid turut diulas oleh sarjana Horn. Mithat ialah pencipta novel kebangsaan (*milli*), dan menyumbang kira-kira 40 buah karya

kepada genre ini. Stailnya pula tidak berhati-hati, sementara ceritanya dapat dibaca dengan mudah. Beliau juga menulis 12 buah drama, antaranya *Eyvah* (Kesedihan yang Amat Sangat) yang diterjemahkan ke bahasa Jerman oleh Doris Reeck pada tahun 1913. Buku-buku Mithat tidaklah begitu banyak berbentuk karya sastrera seperti cerita-cerita yang menghiburkan dengan pelbagai sikap dan tema, baik sejarawi mahupun sosial.

Tidak seperti para penulis dan wartawan semasanya, Mithat tidaklah sepenuhnya berkenan dengan beberapa kegiatan revolusioner atau subversif yang dilakukan demi menentang Kerajaan Osmaniah dan peraturan yang sudah mantap. Anggapan Mithat, bagi ahli masyarakat yang mempunyai asas pendidikan dan budaya yang lemah, kegiatan antirejim berbahaya dan hanya mampu membawa kepada huru-

hara. Beliau juga berbeza daripada cendekiawan semasa yang lain, dari segi sikapnya terhadap sastera. Kebanyakan penulis zamannya menyokong perbuatan meneladani langsung daripada nilai-nilai Barat, namun Mithat tidaklah begitu. Sebagai gantinya, Mithat mempercayai sintesis budaya Timur dan Barat. Oleh sebab itu, beliau mengarang beberapa karya yang dapat mencerahkan, dengan pelbagai tajuk berbeza-beza yang menawan pembaca, sama ada karya berasal dari Barat ataupun Timur. Karya-karya ini menjadi pengecualian dari aspek bahasa yang digunakan, iaitu pengarang berhasrat melahirkan satu dialog dengan pembaca. Oleh sebab sikap didaktisnya ini, pembaca Mithat menghormatinya dengan gelaran "Hace-i Evvel," yang bermakna "Guru Pertama".

Mithat yang menggalakkan kesederhanaan dalam berbahasa dengan tegas mempercayai bahawa sastera patut sampai kepada semua pihak, dan dapat ditelaah serta dihayati. Dalam hal ini, berkemungkinan dapat ditelusuri pengaruhnya terhadap beberapa penulis Perancis seperti Alexandre Dumas, Octave Feuillet, dan Paul de Kock. Watak-watak dalam cereka Mithat boleh dikaji dalam tiga kumpulan utama.

Kumpulan pertama terdiri daripada watak yang lebih dewasa, yang bermegah-megah mengangkat stail berpakaian dan cara hidup Barat semata-mata kerana perkara tersebut menurut fesyen. Watak-watak ini termasuklah (berdasarkan novel) watak Mustafa Meraki (dalam novel *Felaturan Bey* ve *Rakim Efendi* [Felaturan Bey dan Rakim Efendi], 1875), Bahtiyar Pasha dan Hamparsun Aga (dalam *Karnaval* [Karnival], 1881), Abdülcebbar Bey (*Bahtiyarlık* [Keberuntungan], 1885), dan watak Kazim Bey (*Jön Türk* [Pemuda Turki], 1910).

Kumpulan kedua didukung oleh watak-watak yang lebih muda dan lebih baik terdidik, menurutan sedikit-sedikit bahasa Perancis, tetapi hilang sentuhan nilai-nilai kebangsaan mereka sendiri.



KEBANYAKAN  
PENULIS ZAMANNYA  
MENYOKONG PERBUATAN  
MENELADANI LANGSUNG  
DARIPADA NILAI-NILAI  
BARAT, NAMUN MITHAT  
TIDAKLAH BEGITU.

Mereka cuba melihat secara eksklusif ke Barat, namun gagal dalam hal ini. Watak-watak Felaturan Bey (dalam novel *FBvRE*), Sürrü Efendi (dalam *Nasib - Bekartik Sultanlık mi Dedin?* [Pemeruntukan], 1877), Zeka Bey (*Paris'te Bir Türk* [Seorang Lelaki Turki di Paris], 1876), Zekai Bey (*Karnaval*), Behcet Bey (*Vah!* [Sayangnya!], 1871), Senai ve Mansur Bey (*Bahtiyarlık*), Sulhi (*Para* [Wang]) dan watak Tosun Bey (dalam *Taaffüf*) dapat digolongkan ke dalam kumpulan kedua ini.

Kumpulan terakhir dibarisi oleh watak yang sejajar dengan sudut pandang Mithat sendiri. Watak-watak ini ditonjolkan dengan pelbagai nilai tradisional Osmaniah, dan diikat serta dikaitkan kepada jati diri kebangsaan mereka sendiri, juga berpengetahuan luas tentang bahasa Turki, budaya Timur dan Islam. Pada masa yang sama, mereka fasih dalam bahasa Barat, berpengetahuan baik tentang ilmu-ilmu positif, dan tidak sukar menyesuaikan diri dengan persekitaran Barat. Watak-watak ini seperti yang diwakili oleh Rakim Efendi (dalam novel *FBvRE*.), Nasuh (*PBT*), Resmi (*Karnaval*), Necati (*Vah!*), Suphi dan Hicabi (*Acaib-i Alem* [Keajaiban Dunia], 1882), Sinasi (*Bahtiyarlık*), Vahdeti (*Para*), Mustafa Kamereddin (*Demir Bey Yahut Inkisaf-i Esrar* [Demir Bey atau

Pendedahan Misteri], 1888), Ahmet Metin (*Ahmet Metin ve Sirzat Yahut Roman İcinde Roman* [Ahmet Metin dan Sirzat atau Novel dalam Novel], 1892), Rasih (*Taaffüf*), Abdullah Nahifi (*Mesail-i Muglaka* [Isu-isu Tak Ditaketahui], 1898), dan watak Nurullah (dalam *Jön Türk*). Sementara itu, watak-watak wanita yang timbul dalam pelbagai karya Mithat kebanyakannya digambarkan sebagai peribadi positif yang dibesarkan dengan nilai-nilai tradisional.

Karya Mithat dapat dibahagikan kepada dua bahagian besar. Pertama, novel dan novelet. Antara karya genre ini, selain yang dinyatakan di atas, termasuklah *Kissadan Hisse* (Pengajaran, 1870), *Gençlik - Teehul* (Pemuda - Perkahwinan, 1870), *Felsefe-i Zenan* (Falsafah Wanita, 1870), *Ötüm Allahın Emri* (Maut adalah Perintah Tuhan, 1873), *Hayret* (Kehairanan, 1885), *Gürcü Kızı Yahut Intikam* (Gadis Georgia atau Menuntut Bela, 1889), *Rikalde Yahut Amerika Vahset Alemleri* (Rikalde atau Amerika sebagai Bumi Keabadian dan Kekejaman, 1890), *Hayal ve Hakikat* (Mimpi dan Realiti), 1892), *Emanitçik Sitki* (Sitki Si Penerima, 1893) dan *Gönüllü* (Sukarelawan, 1896).

Kedua, drama, misalnya *Eyvah* (Sayangnya!, 1871), *Açıkbas* (Kepala Tak Ditutup, 1874), *Ahız-i Sar Yahut Avrupa'nın Eski Medeniyeti* (Menuntut Bela atau Tamadun Lama Eropah, 1874), *Hükmi-i Dil* (Peruntukan Bahasa, 1874), *Zuhur-i Osmaniyan* (Kemunculan Golongan Osmaniya, 1877), *Fürs-i Kadimde Bir Facia Yahut Siyavüs* (Mala Petaka dalam Kalangan Orang Parsi Sejarawan atau Siyavus, 1884) dan *Çengi Yahut Danis Çelebi* (Si Penari atau Danis Çelebi, 1884).

Ahmet Mithat menghasilkan kira-kira 250 buah karya, termasuklah terjemahan novel. Selain itu, beliau juga menjadi penerjemah dan guru Fatma Aliye, iaitu salah seorang pengarang wanita termasyhur Empayar Osmaniya. Ahmet Mithat meninggal dunia pada 28 Disember 1912 di Istanbul. ■